

| | |
|-----------|-----------------|
| Newspaper | UTUSAN MALAYSIA |
| Date | 19 JANUARY 2017 |

Tidak pelik Dr. M serang Johor

um- 19/1/2017

KUALA LUMPUR 18 Jan. - ‘Serangan’ Tun Dr. Mahathir Mohamad terhadap projek Forest City di Johor yang kononnya telah menggadaikan kedaulatan negeri itu dan negara sehingga menyebabkan Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar dukacita bukanlah perkara pelik.

Sebaliknya, dakwa Ketua Setiausaha Jaringan Melayu Malaysia (JMM), Hamdan Mohd. Salleh, bekas Perdana Menteri itu sejak mentadbir negara, beberapa kali ‘menyerang’ Istana Johor.

“Jika dilihat sejarah Tun Mahathir bersama pihak istana, sejak dulu tidak ada negeri lain menjadi serangan beliau selain Istana Johor.

“Malah, sehingga kini, kita lihat beliau seolah-olah tidak berpuas hati dan menjadikan negeri itu sebagai ‘lubuk’ untuk mengkritik secara terang-terangan,” katanya ketika dihubungi di sini



HAMDAN



MOHAMMAD NAZLEE

hari ini. Beliau mengulas mengenai kekecewaan Sultan Johor terhadap tindakan Dr. Mahathir yang memutar belit isu pelaburan dari negeri China, khususnya di Johor.

Presiden Gabungan NGO 1Malaysia (NGO1M), Mohamad Nazlee Aziz Yeop pula menyifatkan ‘serangan’ Dr. Mahathir terhadap Sultan Ibrahim bukan lagi bersifat intelektual tetapi telah menjadi sesuatu yang seolah-olah peribadi.

Berikutan itu, beliau menyokong ketegasan Sultan Ibrahim yang tidak berminat untuk berdebat atau berpolemik dengan Dr. Mahathir berhubung isu For-

est City dan menjelaskan bahawa keputusan itu adalah tepat.

“Saya berpandangan tiada masalah mengenai isu Forest City. Ini yang berlaku di serata dunia, pelaburan oleh negara lain di sesebuah negara,” jelas beliau.